

Trend Ganti Nama Diri Bahasa Melayu dalam Konteks Media Sosial

MASLIDA YUSOF
Universiti Kebangsaan Malaysia

ABSTRAK

Kajian ini meneliti trend penggunaan kata ganti nama diri dalam kalangan pengguna media sosial. Kata ganti nama diri ialah kata yang digunakan dalam komunikasi untuk menggantikan nama orang yang melibatkan penutur, pendengar dan sasaran. Kata ganti nama diri terdiri daripada kata ganti nama diri orang pertama (saya, aku), kata ganti nama diri orang kedua (awak, engkau) dan kata ganti nama diri orang ketiga (mereka, ia). Dalam apa jua bentuk media komunikasi, kata ganti nama diri akan muncul dalam komunikasi. Ini kerana penutur memberi rujukan kepada pendengar dan pendengar memproses maklumat yang telah disampaikan mengenai sasaran untuk membentuk satu perbualan. Sehubungan dengan itu, kajian ini akan menggunakan aplikasi *WhatsApp* sebagai mewakili medium komunikasi dalam media sosial untuk mendapatkan data kata ganti nama diri. Aplikasi *WhatsApp* yang digunakan dalam telefon pintar dipilih sebagai sumber data memandangkan medium ini semakin popular dalam masyarakat kini. Analisis kata ganti nama diri menggunakan *Tatabahasa Dewan* (2008) sebagai asas panduan pengkaji. Kajian ini mendapati empat bentuk kata ganti nama diri digunakan dalam perbualan pengguna *WhatsApp* iaitu kata ganti nama diri pertama (penutur), kata ganti nama diri kedua (pendengar), kata ganti nama diri ketiga (sasaran) dan kata ganti nama diri kosong. Kajian juga mendapati tiga bentuk kata ganti diri yang menjadi trend dalam aplikasi *WhatsApp* iaitu kata ganti nama diri singkatan, kata ganti nama diri dialek dan kata ganti nama diri kontemporari. Dalam konteks komunikasi yang melibatkan rakan sebaya dan berlaku dalam situasi tidak formal, penggunaan kata ganti nama diri dipengaruhi oleh faktor kemesraan dan kesesuaian.

Kata kunci: *Trend, kata ganti nama diri, media sosial, komunikasi, aplikasi WhatsApp.*

The Trend of Malay Personal Pronouns in The Context of Social Media

ABSTRACT

This study examines the trend of using personal pronouns in social media users. A pronoun is the word used in communication to replace a person's name involving speakers, listeners and targets. The pronouns consist of the first personal pronouns (me, me), the second person pronouns (you, you) and the third pronouns (they, it). In any form of communication media, personal pronouns will appear in communication. This is because the speaker provides reference to listeners and the listener process the information that has been communicated about the target to form a conversation. Accordingly, this study will use the *WhatsApp* application as representing the medium of communication in social media to obtain the pronouns data. *WhatsApp* applications used in smartphones are selected as data sources as the medium is increasingly popular in today's society. Analysis of pronouns will be used *Tatabahasa Dewan* (2008) as the guide for the researcher. The study found that four forms of personal pronouns were used in *WhatsApp* users' conversations, namely the first pronouns (speakers), second personal pronouns (listener), third-person pronouns (target) and empty pronouns. The study also found three forms of personal pronunciation that became a trend in *WhatsApp* application namely abbreviation pronoun, dialect pronoun and

contemporary pronoun. In the context of communication involving peers and prevailing in an informal situation, the use of personal pronouns is influenced by the intimacy and relevance factor.

Keywords: *Trend, personal pronouns, social media, communication, WhatsApp application.*

PENGENALAN

Dalam kehidupan bermasyarakat, manusia tidak dapat lari daripada aktiviti berkomunikasi setiap hari sama ada dalam bentuk lisan atau tulisan. Dalam era kini, media baharu dilihat lebih dominan berbanding dengan media tradisional atau media lama seperti media cetak, media elektronik, media siaran, dan media interpersonal yang lain (Siti Ezaleila & Azizah, 2011).

Dalam apa jua bentuk komunikasi sama ada lisan, tulisan, percetakan, dan telekomunikasi, aspek bahasa yang tidak boleh dikesampingkan ialah kata ganti nama diri. Kata ganti nama diri ialah perujuk dan pengganti diri sama ada merujuk atau menggantikan nama diri penutur atau pendengar. Kata ganti nama diri biasanya merujuk orang, bilangan dan jantina. Kadang kala ia juga mengekodkan hubungan jarak dan sosial. Dengan perkataan lain, kata ganti nama diri berfungsi sebagai alat komunikatif yang penting dalam sesuatu perbualan. Semasa mereka berkomunikasi dan berinteraksi dalam apa jua aplikasi media sosial, pelbagai bentuk kata ganti nama diri digunakan mengikut konteks peranan peserta bagi menggantikan nama seseorang atau membuat rujukan terhadap diri sendiri atau lawan bicara kita. Justeru makalah ini akan membincangkan trend penggunaan kata ganti nama diri yang digunakan ketika berinteraksi dalam media sosial.

KATA GANTI NAMA DIRI DALAM KOMUNIKASI

Kata ganti nama diri adalah salah satu aspek penting dalam komunikasi. Penggunaan kata ganti nama diri membolehkan masyarakat berkomunikasi dengan lebih berkesan tanpa mewujudkan kekeliruan siapa penutur dan siapa pendengar dalam sesuatu perbualan. Kata ganti nama diri ialah kata yang digunakan untuk menggantikan nama orang. Dalam bahasa Melayu, kata ganti nama diri terbahagi kepada dua golongan iaitu, kata ganti nama diri tanya dan kata ganti nama diri orang. Kata ganti nama diri tanya ialah perkataan yang merujuk benda atau orang dalam bentuk tanya. Ada tiga bentuk kata ganti nama diri tanya, iaitu apa yang merujuk benda atau perkara, siapa yang merujuk orang dan di mana merujuk benda atau orang. Contohnya:

Pendapat anda apa?
Pengurus projek itu siapa?
Buku hasil tulisannya mana?
(Nik Safiah et al., 2008)

Kata ganti nama orang diri pula merujuk diri orang tertentu, iaitu diri orang pertama, diri orang kedua dan diri orang ketiga. Terdapat tiga bentuk kata ganti nama diri iaitu kata ganti nama diri orang pertama, seperti saya, aku, kami dan kita; kata ganti nama orang kedua, misalnya awak, kamu dan engkau; kata ganti nama orang ketiga, misalnya ia, dia, beliau dan mereka. Dalam *Saya* dan *aku* ialah kata ganti nama diri untuk merujuk penutur, *kamu* atau *awak* ialah kata ganti nama diri untuk merujuk pendengar dan kata ganti nama diri *dia* dan *mereka* pula ialah kata ganti nama diri untuk merujuk orang ketiga.

Penggunaan sesuatu perkataan yang merujuk pada diri penutur atau orang yang disapa tidak digunakan sewenang-wenang. Dalam konteks sociolinguistik, penggunaan kata ganti nama diri berkait rapat dengan konteks yang meliputi taraf sosial, darjah rapat tidaknya hubungan, suasana persekitaran dan judul percakapan pengguna bahasa yang terlibat dalam komunikasi tersebut (Asmah, 2009). Dengan perkataan lain, penggunaan kata ganti nama diri adalah bergantung pada ikatan dan hubungan sosial penutur dengan pendengar. Hal ini kerana penggunaan ganti nama diri yang salah atau tidak tepat dapat menimbulkan penggeseran dan perbalahan dalam komunikasi kerana berkait dengan hal-hal kesantunan berbahasa. Zaitul Azma (2012) ada menyatakan bahawa kesantunan semasa berkomunikasi dalam bahasa Melayu diukur melalui penggunaan kata ganti nama, kata panggilan, kata gelaran, rujukan hormat dan pemilihan perkataan yang tidak menyinggung perasaan seseorang. Dengan demikian, kata ganti nama diri dalam bahasa Melayu boleh dibahagikan kepada bentuk halus atau hormat seperti *saya*, *kami* dan *kita* dan juga bentuk kurang halus atau kasar seperti *aku* dan *engkau* (Nik Safiah, 2012).

Kajian-kajian tentang ganti nama diri banyak dibincangkan dari aspek tatabahasa (antaranya Nik Safiah et al., 2008; Asmah, 2009; Awang, 2007) dan kesantunan berbahasa. Dari aspek tatabahasa, kesemuanya sarjana bersetuju bahawa kata gantinama diri bahasa Melayu dapat dibahagikan kepada 3 bentuk iaitu ganti nama diri pertama, kedua dan ketiga. Dari aspek kesantunan berbahasa pula, kebanyakan sarjana membincangkan kata ganti nama diri dari sudut penggunaan yang sesuai dan tepat. Nik Safiah Karim (2012) misalnya telah membincangkan kata ganti nama dari perspektif kesantunan berbahasa dalam konteks pekerjaan. Menurut beliau, pola-pola perhubungan wujud antara penutur dengan pendengar dalam konteks pekerjaan. Hasil pengamatan beliau, banyak kesalahan yang dilakukan oleh pengguna bahasa yang kurang arif tentang kata ganti nama dalam bahasa Melayu tentang makna sesetengah kata ganti nama dan tentang pola penggunaan kata ganti nama, terutama dalam suasana formal dan bukan formal. Rumusan beliau adalah bahawa kesalahan menggunakan pola kata ganti nama bukan sahaja melanggar peraturan penggunaan bahasa tetapi juga melanggar tatasusila dan kesantunan berbahasa. Dengan kata lain, perbincangan tersebut melihat kata ganti nama diri bahasa Melayu daripada sudut tatabahasa preskriptif.

Zulkifley dan Naidatul Zamrizam (2013) pula membincangkan aspek penggunaan kata ganti nama diri dalam kalangan murid pelbagai etnik di sekolah kebangsaan. Mereka mendapati walaupun kata ganti nama telah diajar secara formal di sekolah, namun masih terdapat masalah dalam penggunaan kata ganti nama dari perspektif kesantunan berbahasa. Implikasi daripada kegagalan menggunakan kata ganti nama yang tepat boleh menggugat keharmonian hubungan antara etnik. Justeru pembelajaran kata ganti nama tidak harus dilihat sebagai penguasaan aspek nahu sahaja tetapi penegasan juga perlu diberikan dalam fungsi kata ganti nama sebagai ujaran beradab dalam kesantunan berbahasa.

Wujudnya laman sosial yang memudahkan komunikasi tanpa sempadan turut mewujudkan satu perubahan sikap terhadap bentuk penggunaan bahasa Melayu. Pengaruh laman sosial pada hari ini turut mempengaruhi cara pemikiran masyarakat yang berbahasa Melayu ketika berkomunikasi antara satu sama lain, terutama ketika berkomunikasi atas talian (Salinah & Tengku Marlina, 2014). Pembangunan dan kemajuan teknologi bukan sahaja telah mengubah cara manusia berkomunikasi, penggunaan bahasa juga dikatakan turut berubah sebagaimana dinyatakan oleh Supyan (2007) bahawa bahasa yang menjadi medium komunikasi juga tidak terlepas dari kesan penggunaan teknologi. Sebagai contoh,

kajian Karim dan Maslida (2015) menunjukkan penggunaan aplikasi sosial seperti *WhatsApp* telah mengubah lanskap komunikasi dengan memberi ruang yang luas kepada bahasa ibunda mereka (bahasa Jawa) untuk berkembang. Begitu juga, Azrizan dan Karim (2015) memperlihatkan penggunaan dialek dalam ganti nama telah menjadi amalan ketika berbual dalam laman sosial. Mereka telah membincangkan amalan penggunaan kata ganti nama dalam dialek Melayu Kelantan dalam aplikasi *WhatsApp*. Dapatan kajian tersebut menunjukkan bahawa terdapat pelbagai variasi kata ganti nama diri dialek Kelantan yang digunakan dalam *WhatsApp*, yang berbeza daripada bentuk ganti nama diri yang lazim digunakan dalam konteks komunikasi lisan penutur dialek Kelantan. Malah terdapat gejala di mana sesuatu kata ganti nama itu digunakan atau berfungsi dalam konteks orang pertama, kedua dan ketiga. Hal ini membuktikan bahawa penggunaan media social seperti *WhatsApp* telah mempengaruhi penggunaan kata ganti nama diri dialek Kelantan dari segi percampahan variasi kata ganti nama dalam dialek tersebut.

Kajian oleh Azrizan dan Karim (2015) jelas menunjukkan dari aspek sosiolinguistik, adanya perubahan penggunaan kata ganti nama diri dalam dialek Kelantan dalam media sosial dalam kalangan penutur dialek Kelantan. Perubahan itu pastinya merupakan bentuk yang diterima oleh kalangan penuturnya, jika tidak menyeluruh pun namun bentuk tersebut diterima pakai oleh golongan tertentu dalam penutur dialek Melayu Kelantan. Selain amalan penggunaan dialek yang kini mula menjadi trend dalam komunikasi media sosial khususnya dalam ruangan sembang, penggunaan bahasa singkatan (Supyan, 2007) dan penggunaan bahasa pasar, slanga dan bahasa campuran (Teo, 2004) juga adalah antara trend popular yang menular kesan penggunaan teknologi ketika berinteraksi dalam laman sosial.

Kajian-kajian tentang kata ganti nama diri sama ada dalam konteks penggunaan dan kesantunan sebelum ini lebih memberi fokus kepada situasi komunikasi lisan secara bersemuka. Kini komunikasi boleh berlaku tanpa bersemuka khususnya berbagai-bagai platform media sosial seperti *Facebook*, *Twitter* dan *WhatsApp* telah menjadikan media sosial sebagai medium baru untuk berkomunikasi. Dalam komunikasi media sosial, pengguna komunikasi sekarang lebih gemar menggunakan kaedah tulisan daripada kaedah lisan maka dengan itu sudah pasti ada perbedaannya dengan penggunaan bahasa lisan dalam komunikasi bersemuka (Ryan, 1999). Dalam komunikasi media sosial, pengguna gemar menggunakan kaedah tulisan dengan menaip pada papan kunci. Dengan itu, mereka dapat berkomunikasi dengan rakan-rakannya menerusi kaedah tulisan sahaja. Penggunaan sebegini mewujudkan sejenis ragam kacukan lisan dan tulisan yang bermaksud bentuk komunikasi lisan yang dipindahkan menjadi komunikasi tulisan. Hasil dapatan Azrizan dan Karim (2015) menunjukkan dalam aplikasi *WhatsApp* penggunaan KGND lebih pelbagai berbanding penggunaannya secara lisan. Hal ini menunjukkan satu lanskap baharu dalam penggunaan kata ganti nama diri dalam konteks komunikasi media sosial yang berbeza dengan penggunaan KGND dalam komunikasi lisan.

METODOLOGI

Dalam era kini, media baharu dilihat lebih dominan berbanding dengan media tradisional atau media lama seperti media cetak, media elektronik, media siaran, dan media interpersonal yang lain (Siti Ezaleila & Azizah, 2011). Media baharu ini menjadi media sosial baharu untuk memenuhi keperluan penting psikologi dan sosial mereka dengan menjadikan internet sebagai tempat bertemu dan berinteraksi serta membentuk perhubungan. Komunikasi, daripada media tradisional seperti akhbar, majalah, telegraf, filem, radio dan televisyen, khalayak kini berhadapan dengan pilihan media baharu yang didorong oleh

perkembangan teknologi maklumat (Wan Amizah & Muhammad Adnan, 2017). Di media sosial pengguna dibenarkan untuk berkomunikasi dan berjumpa secara maya dengan kawan yang baru dikenali dalam satu jaringan sosial yang cukup besar, atau sebenarnya menjadi ahli sebahagian daripada jaringan sosial di Internet (Mohd Azul & Nurul Madiha, 2017). Sehubungan dengan itu, kajian ini akan menggunakan aplikasi *WhatsApp* sebagai mewakili medium komunikasi dalam media sosial untuk mendapatkan data kata ganti nama diri.

Kajian ini adalah bersifat deskriptif kualitatif. Untuk mendapatkan data penggunaan bahasa ganti nama diri, kaedah etnografi digunakan bagi mengumpulkan data dalam komunikasi sosial *WhatsApp*. Kajian ini meneliti penggunaan kata ganti nama diri dalam aplikasi *WhatsApp* bagi kumpulan umur tahap dewasa iaitu kumpulan yang dinamai sebagai 'SMPT EX Pbiru'. Pengkaji merupakan ahli kumpulan *WhatsApp* bagi kumpulan tersebut. Walaupun pengkaji ikut serta dalam kumpulan tersebut tetapi pengkaji adalah peserta pasif. Ketika proses pengumpulan data selama 1 bulan, pengkaji tidak mengambil bahagian dalam komunikasi yang berlaku dalam kumpulan *WhatsApp* tersebut. Walau bagaimanapun, semua ahli kumpulan telah dimaklumkan bahawa perbualan mereka digunakan sebagai bahan data kajian ini. Dengan melakukan pemerhatian ikut serta dalam ruang komunikasi yang diwujudkan, pengkaji dapat memahami dengan lebih mendalam trend ganti nama yang digunakan ketika berkomunikasi dalam setiap kumpulan *WhatsApp* tersebut.

BAHAN DATA

Salah satu kelebihan aplikasi *WhatsApp* ialah boleh berkomunikasi dengan lebih 50 orang rakan dalam ruangan kumpulan (*group*). Kemudahan mewujudkan kumpulan *WhatsApp* secara tidak langsung dapat memudahkan komunikasi dan interaksi secara berkumpulan malah berupaya juga menghubungkan kenalan serta ahli keluarga yang sudah lama terpisah. Sehubungan itu, kajian ini menggunakan aplikasi *WhatsApp* untuk mengutip data kata ganti nama diri. Aplikasi *WhatsApp* yang sudah menjadi fenomena dalam berkomunikasi dan merupakan salah satu alternatif alat atau media komunikasi yang banyak digunakan oleh khayalak. Aplikasi *WhatsApp* mula digunakan di seluruh dunia pada Januari 2009. Pengasasnya, bekas pekerja *Yahoo*, Jan Koum dan Brian Acton. *WhatsApp* adalah aplikasi yang dimuat turun ke dalam telefon pintar dan mampu menghantar mesej, gambar, audio dan video secara percuma. Malah, bermula tahun lalu, *WhatsApp* juga menyediakan kemudahan menelefon secara percuma di seluruh dunia. Sehingga 2 Februari 2017, *WhatsApp* mempunyai 1.2 bilion pengguna bulanan yang aktif, menunjukkan populariti aplikasi itu dalam kalangan mereka yang gemar berkongsi maklumat (Azizul Halim, 2017). Dengan peningkatan penggunaan telefon bimbit sehingga lebih 143 peratus pada tahun 2013 dan lebih 30 peratus atau 12.6 juta orang daripadanya menggunakan telefon pintar, sudah semestinya aplikasi *WhatsApp* mampu menjadi salah satu rangkaian sosial yang paling hebat di dunia. Hal ini dibuktikan lagi apabila 80 peratus daripada pengguna telefon pintar adalah pemakai aplikasi *WhatsApp* yang kini semakin menjadi kegunaan masyarakat di dunia umumnya dan di Malaysia khususnya (<http://234789.weebly.com/pengenalan.html>) tarikh akses 4 Mei 2017.

Kumpulan *WhatsApp* yang dikaji ialah kumpulan *WhatsApp* 'SMPT EX Pbiru' yang terdiri daripada 29 orang dan kesemua berumur 49 tahun. Ahli kumpulan merupakan rakan-rakan sewaktu persekolahan di sebuah sekolah menengah. Pengkaji mengikuti segala komunikasi yang berlangsung dalam kumpulan *WhatsApp* yang dikaji dalam tempoh masa satu bulan pemerhatian. Tempoh masa satu bulan untuk mendapat data ganti nama diri adalah memadai kerana penggunaan kata ganti nama diri adalah bersifat berulang dan

sama dalam sesuatu komunikasi. Dalam kaedah ini, pengkaji mengutip data dengan cara mengklik ke *group info*, tatal ke bawah dan klik *email chat*, pilih *without media* kemudian dihantar ke e-mel pengkaji untuk dicetak.

ANALISIS DAN PERBINCANGAN

Apabila berhubung, wujud pola-pola perhubungan antara kita dengan pihak yang dilawan berbicara. Salah satu aspek penggunaan bahasa yang jelas memperlihatkan hubungan ini ialah kata ganti nama diri (KGND). Kata ganti nama diri dalam konteks berkomunikasi bertujuan untuk menyapa dan menggantikan diri sendiri atau orang yang dirujuk bagi kesinambungan sesuatu perbualan. Kajian mendapati dalam komunikasi *WhatsApp* kumpulan yang dikaji aplikasi penggunaan KGND lebih bervariasi berbanding penggunaannya secara lisan. Secara tradisi, penggunaan kata ganti nama dalam bahasa Melayu, ditentukan oleh faktor kemesraan dan kesesuaian. Kemesraan dan kesesuaian berkait dengan status, pangkat, usia dan jarak keformalan dengan lawan bicara. Dalam hal komunikasi dalam aplikasi *WhatsApp*, perbualan antara ahli kumpulan yang dikaji melibatkan peserta yang mempunyai usia yang sebaya dan situasi perbualan berlaku dalam keadaan tidak formal iaitu perbualan santai berkenaan tema-tema yang berlaku seharian. Berikut merupakan contoh sebahagian daripada perbualan yang dipetik melibatkan penggunaan kata ganti nama diri dalam komunikasi kumpulan *WhatsApp* yang dikaji.

Data 1:

P1: InshaAllah..🙏🙏🙏

P1: Gambar kabur..tu yg nmpak iras2 kelas *Kita*.

P2: Haha...iras tu ada....

P3: Yg ketara sekali zizah, yati, nana, Romana..🙏🙏🙏

P3: ..rohana

P3 Tp ada sorang dlm gmbr tu yg *ku* ingat..*dia* GK teamnetball sklh dulu..

P3: Nti *ku* zoom

P2: Bariah..*ko* kat smpt smpi form 5 ea..

P3: Ruby husin ingat x. Namanye normah abd ghani.

P3: Adik *dia* abd ghaffar b abd ghani. Classmate *ku* dulu masa 4 sains 2

P3: Aah la B..*mu* tinggal kan *ku* pergi ampuan dora.. xde teman dh saing g sekolah..🙏🙏

(*P merujuk peserta)

Data perbualan 1 di atas memperlihatkan contoh perbualan yang berlaku dalam kumpulan *WhatsApp* yang dikaji. Perbualan yang berlangsung memperlihatkan variasi penggunaan kata ganti nama diri. Namun yang jelas, ketiga-tiga bentuk ganti nama diri digunakan oleh peserta kumpulan *WhatsApp* 'SMPT EX Pbiru' iaitu GND pertama, kedua dan ketiga. Ketiga-tiga bentuk kata ganti nama perlu digunakan dalam sesuatu perbualan kerana tanpa rujukan ganti nama, kita tidak mengetahui siapa yang dirujuk dalam perbualan yang berlangsung. Namun yang menjadi perhatian pengkaji ialah trend atau amalan penggunaan kata ganti nama diri yang muncul dalam kalangan peserta yang terlibat dalam konteks media sosial seperti *WhatsApp*. Kajian ini menunjukkan bentuk ganti nama digunakan dalam komunikasi *Whatsapp* sebagaimana ditunjukkan dalam jadual 1 di bawah.

Jadual 1: Bentuk ganti nama diri Kumpulan 'SMPT EX Pbiru'.

Kumpulan 'SMPT EX Pbiru'	
GND Pertama	Saya, aku/ku. I, kita, nama, den
GND kedua	mu,ko/ekau/ngko, korang,uol
GND ketiga	Dia/Dio/dye/dy, nya,nama
GND kosong	(∅)

Jadual 1 menunjukkan penggunaan kata gantinama diri bagi kumpulan *WhatsApp* 'SMPT EX Pbiru'. Dari segi penggunaan kata GND, kajian ini menemui 4 pola ganti nama digunakan iaitu GND pertama, GND kedua GND ketigadan GND kosong (∅). GND pertama yang digunakan ialah *aku, ku. I, kita, den* dannama; GND kedua ialah *ko, mu* dan *ekau/ngko* dan GND ketiga ialah *Dia/Dio/dye/dy, nya, dan nama*. GND ∅ pula bermaksud tiada penggunaan kata GND dalam perbualan tersebut tetapi peserta masih dan mampu memahami siapa yang dirujuk.

GND PERTAMA

Ganti nama diri orang pertama ialah kata yang digunakan untuk menggantikan diri orang yang sedang bercakap. Lima jenis kata GND pertama yang digunakan oleh peserta kumpulan 'SMPT EX Pbiru' iaitu *saya, aku, ku, kita, den* dan menggunakan nama penutur sendiri. Kata GND pertama ini terbahagi kepada bentuk tunggal dan bentuk jamak.

GND Pertama tunggal

Bentuk tunggal digunakan untuk merujuk diri penutur sendiri seperti *saya, aku, ku, den* dan *nama*.

- Rozie awak ingat tak *saya*. Dulu pernah jumpa depan keramat supermarket. Masa tu awak kata anak sulung dah 13 tahun umurnya. Rozie masa tu kawin muda sgt kan. Maaf kalau *saya* tersilap
- Mana zahar ekk *aku* mau blanja sate ni
- Hahaha mano la *den* tau...den copy paste yo dr group sbolah... x tau lak mano dtg boto susu tu.
- Ku* rasa sbb after abis 5 hari kerja ada yg nk kluar buat hal masing2..mkn luar la..pi shopping la..nk balik kg la..gitu kot
- Baiklh sbht2 yg dikasihi.. *Nida* out dulu ye..
- P1: Dh berapa lma kt situ *zie*
- P2: *zie* dok cni dh lama

GND Pertama jamak

GND pertama jamak digunakan untuk mewakili dirinya dan juga pihak yang menjadi teman bicara atau khalayaknya. Dalam kajian ini ditemuidua bentuk GND pertama jamak iaitu *kita* dan *kitaorg*. Dalam konteks perbualan kumpulan *WhatsApp*, *kita* digunakan untuk menyatakan adanya kesamaan keanggotaan, kepentingan dan sebagainya.

- Ok isu *kita* smlm n arini magi...tq nazul info tu boleh membuat kekwn happy..
- ini bukan kelas *kita* tp kelas budak ats dr *Kita* setahun kalau x silap..
- InshaAllah *zie*..umur *kita* dh hampir separuh abad..kan..
- Iye *kitorg* tukr sklh

GND KEDUA

Kata GND kedua digunakan untuk merujuk kepada diri orang yang bercakap dengan kita. Untuk kumpulan 'SMPT EX Pbiru', terdapat dua jenis GND yang digunakan iaitu *mu*, *ko/ekau/ngko* dan *nama*. Kata GND kedua juga terbahagi kepada dua bentuk iaitu bentuk tunggal dan bentuk jamak.

GND Kedua tunggal

- a. P1: *Mu* dah x pakai spek sbb tu x nmpak 'kebesaran' ku bariah..
P2: Tp bdn *mu* kecil molek..xnmpk gemukss..
P1: *Mu* pon samakan gee...
- b. P1: zana bilo *ekau* nk blanjo den satay.
hrmmm.ayah *ko* ado lgi ke zana
- c. Nazul...*kau* mmg nak kena.
- d. P1: *Faz* cuti ker ari ni
P2: Kojo pagi *nazul*

GND Kedua jamak

Kata ganti nama ini digunakan untuk merujuk kepada pihak yang menjadi sasaran komunikasi yang jumlahnya lebih daripada seorang (Awang Sariyan, 2007).

- a. Best tggk *korang* da bermenantu
- b. Pandai2 la *korang*?
- c. Klau exam penah x *uols* jumpa jawapan mengarut kt kertas jawapan murid..
morning uolls??

GND KETIGA

Kata GND ketiga ialah kata yang menggantikan nama diri orang yang diceritakan halnya (orang yang diceritakan halnya tidak hadir). Dalam bahasa Melayu, kata GND ketiga juga mempunyai bentuk tunggal dan jamak. Bentuk tunggal ialah seperti *beliau*, *dia*, *ia* dan *nya*. Sementara bentuk jamak ialah *mereka*. Namun dalam konteks ini, bentuk tunggal yang ditemui ialah *dia*, *nya* dan *nama*. Sementara itu, bentuk GND ketiga jamak dia orang/dorang ditemui dalam kajian ini.

GND Ketiga tunggal

- a. Cikgu tu ku rasa kenal dulu *dia* ada ajar kita kechap. Mcm program pertukaran guru.
- b. Mak *juliana* yg pkai bju oren....free hair tu mak tiri...derang dh cerai lama
- c. Atie ngan maya slalu pi toilet sikat rambut..klau *dia* tunduk rambut jatuh pastu *dia* naikkan balik dgn cara tersendiri..???
- d. *dia* ado masuk klas muzik ke.
- e. Ruby husin ingat x. Namanye normah abd ghani.

GND Ketiga jamak

- a. Sbnrnya byk perancangan dah dibuat utk mbgnkn kg baru tapi ramai yg x stuju jadi tbantut skjp dan x mustahil plan *dorang* akn berjaya
- b. Hihhi...mmg cmtu la *dorang* faz..sama la ank2 mu..farah je tak..pompuan rajin skit.

GND KOSONG

Kata GND kosong bermaksud tiada penggunaan kata ganti nama diri dalam perbualan yang berlangsung. Namun, ketika komunikasi berlangsung peserta perbualan masih memahami siapa yang dirujuk sebagai penutur dan pendengar. Hal ini berlaku apabila konteks peserta yang terlibat ketika perbualan itu berlangsung dapat dikenal pasti oleh peserta yang lain.

Data 2:

- P1: Meleleh air liur mlm2 ni tgg jeruk
P2: Mmg sedap....
P3: Tu la
P4: Tau x pe?
P5: Takkkk golak yo
P1: Rsa kelat2 sikit kan
P6: Cite buah sentul lakk?
P2: X leh tido mlm ni ... Sentul.. Sentul.. Sentullll
P5: Kelubi lg msam mmmm
P7: nk g kubur lempoh buah sentul.
P4 Kdg kat pasar tani ado

Petikan perbualan di atas menunjukkan tiada penggunaan kata GND pertama, kedua atau ketiga digunakan. Dalam petikan perbualan di atas, terdapat tujuh peserta yang terlibat dalam topik yang dibicarakan iaitu 'sejenis buah'. Sungguhpun tiada penggunaan kata GND pertama, kedua atau ketiga dalam perbualan ini, namun perbualan masih berlangsung tanpa gangguan dan difahami oleh peserta yang terlibat. Walaupun komunikasi berlaku secara tidak bersemuka namun peserta masih dapat mengetahui setiap peranan yang dimainkan oleh peserta dalam perbualan tersebut.

TREND KATA GANTI NAMA DIRI DALAM KONTEKS KOMUNIKASI MEDIA SOSIAL

Dalam berkomunikasi, wujud pola dan peraturan yang perlu dipatuhi agar komunikasi berjalan lancar dan difahami. Pola dan peraturan ini tergambar dalam penggunaan bahasa. Dalam hubungan ini, bahasa membantu kita menyusun fikiran selain berperanan untuk menampilkan diri kita. Kata GND ialah antara aspek penggunaan bahasa yang penting ketika berkomunikasi. Kata GND menunjukkan hubungan dan peranan antara peserta yang terlibat dalam komunikasi yang sedang berlangsung. Penggunaan kata GND memudahkan pengenalan siapa yang bercakap dan siapa yang dirujuk. Sebagai ahli dalam masyarakat Melayu, kita tahu memilih dan menggunakan kata GND yang sesuai mengikut konteks ketika berkomunikasi. Dalam sesuatu perbualan, kita akan menyesuaikan bentuk ganti nama diri yang kita gunakan iaitu mengikut siapa rakan bualan kita dan situasi di mana sesuatu perbualan itu berlangsung.

Dalam konteks kajian yang melibatkan komunikasi tidak bersemuka ini, amalan yang sama juga dipraktikkan dalam kalangan peserta perbualan yang melibatkan rakan sebaya dengan tajuk atau tema perbualan adalah berkisar kepada kenangan-kenangan lama yang berlaku ketika zaman persekolahan dan juga isu-isu semasa. Dengan demikian, kata GND yang digunakan oleh peserta kumpulan 'SMPT EX Pbiru' adalah cenderung kepada kata GND yang digunakan dalam komunikasi tidak rasmi sebagaimana GND dalam komunikasi lisan.

Pemilihan ganti nama yang sesuai dapat diukur daripada darjah kemesraan antara mereka kerana kedua-dua pihak tidak bersemuka dalam konteks perbualan dalam media sosial. Dalam kajian ini, didapati tiga bentuk penggunaan kata ganti nama yang menjadi trend kepada peserta dalam komunikasi dalam aplikasi *WhatsApp*. Ketiga-tiga bentuk ganti nama diri tersebut ialah kata ganti nama diri singkat (GND singkat), kata ganti nama diri dialek (GND dialek) dan kata ganti nama diri kontemporari (GND kontemporari).

GND SINGKAT

Kata ganti nama diri singkat ialah kata ganti nama diri yang telah disingkatkan. Kata-kata yang dimaksudkan di sini ialah *ku*, *kau/ko*, *mu* dan *nya*. Penggunaan kata GND singkat ini didapati kerap digunakan oleh peserta dalam kumpulan *WhatsApp* yang dikaji bagi menggantikan KGND *aku*, *engkau* dan *kamu*. Petikan perbualan di bawah memperlihatkan contoh penggunaan kata GND singkat.

Data 3:

P1: *Mu* bkar semangat *ku* gee

P2: Ishhhh idak ler...*ku* drebar pomen pakguard

P3: *Ko* dh masak lom?

P2: X masak...bru blk dr hosp kempas.....ank jagaan *ku* warded....

Data 4:

P1: Adik dia abd ghaffar b abd ghani. Classmate *ku* dulu masa 4 sains 2

P2: Aah la B..*mu* tinggal kan *ku* pergi ampunan dora.. xde teman dh saing g sekolah..??

P1: *Ku* pindah kan sbb areah ayah mntk pencen awal....lps arwah yong meninggal...?

P2: Yo la B...sodeh B tibo2 yo donga *mu* pindah..huhu dulu xdo henpon yo..???

Dua contoh petikan data di atas menggambarkan bentuk singkatan kata GND yang digunakan dalam petikan perbualan peserta kumpulan 'SMPT EX Pbiru'. Kata GND yang ditemui disingkatkan ialah kata GND pertama *ku* (*aku*), kata GND kedua *kau/ko* (*engkau*) dan *mu* (*kamu*), dan kata GND ketiga *nya* (*dia*). Kata *ku* berasal daripada kata *akuyang* boleh muncul pada awal (ayat a) dan juga boleh muncul pada akhir kata (ayat b).

- a. *Ku* dh lama x intai hal semasa..dh mcm duduk dlm gua.. ntah apa la yg *ku* sibukkan..ish..ish..ish
- b. *Mu* ada kn address *ku*.

Kata *kau* dan *ko* berasal daripada kata *engkauyang* digunakan di awal kata. Misalnya dalam ayat "Nazul...*kau* mmg nak kena". Kata *muberasal* daripada kata *kamu* digunakan di awal (ayat a) dan boleh muncul pada akhir ayat (ayat b). Misalnya dalam ayat berikut:

- c. Cer *mu* ingat faz sapa nma ek..
- d. “Tuari *ku* ada anta location kat *mu* gee...dewan apa tah...but no reply...*ku* tanya dkt x dgn umah *mu*...”

Kata *-nya* daripada kata ganti nama diri ketiga *dia* digunakan di akhir kata sahaja, misalnya “Doakn moga rohnya dicucuri rahmat...alfatihah”. Nik Safiah (2007) menyatakan *aku* untuk orang pertama, dan *engkau* untuk orang kedua ialah bentuk kurang halus atau kasar (BK). Asmah (2009) juga menyebutkan bahawa *aku*, *kamu*, dan *engkau* ialah bentuk kasar bagi kata ganti nama, namun Asmah turut menambah bahawa bentuk *aku*, *kamu* dan *engkau* ialah bentuk intim. Hal yang sama juga diungkapkan oleh Zulkifley dan Naidatul Zamrizam (2013) yang menyatakan “Kata ganti nama ‘aku – kau’ dianggap kasar tetapi boleh digunakan untuk orang yang sebaya dan rapat dengan kita sebagai cara untuk menunjukkan kemesraan”. Hal ini berbeza dengan dapatan Azrizan dan Karim (2015) yang mendapati peserta perbualan lebih selesa menggunakan KGND *amboyang* dianggap sebagai lebih sopan, formal dan merendah diri berbanding menggunakan KGND *aku* dan *mu*. Ini adalah kerana bagi masyarakat Kelantan KGND ini lebih sesuai digunakan oleh golongan muda dan agak kasar jika dituturkan oleh golongan yang berusia.

- e. Kata ganti nama *aku* selalunya digunakan dalam situasi tidak rasmi yang mana si penutur dan pendengar mempunyai hubungan yang rapat. Kata ganti nama *saya* boleh dipakai dengan sesiapa saja pada semua masa, tetapi kata *aku* hanya boleh dipakai untuk bercakap dengan sahabat karib atau orang yang lebih lama kita kenal (Liaw & Abdullah, 1994, p.14). Kata ganti nama *aku* juga dianggap kasar dan tidak sopan apabila digunakan khususnya sesama orang yang tidak mempunyai hubungan peribadi ataupun digunakan antara pihak-pihak yang mempunyai status sosial yang berbeza.
- f. Walaupun secara literal bentuk-bentuk *aku*, *kamu* dan *engkau* kedengaran kasar namun dalam konteks perbualan dalam aplikasi *WhatsApp* yang mana ahli-ahlinya terdiri daripada sahabat lama, bentuk-bentuk singkatan *ku*, *mu* dan *ko/kau* adalah strategi yang digunakan untuk mengurangkan darjah “kekasaran” dan “ketidaksopanan” dalam kalangan peserta lelaki dan perempuan malah menggambarkan kemesraan dan keakraban antara peserta. Dalam konteks komunikasi ini, peserta menggunakan bentuk-bentuk singkatan ini sebagai strategi komunikasi penutur yang bukan sahaja untuk menzahirkan kemesraan tetapi juga bersopan kepada peserta perbualan. Dengan perkataan lain, tingkat keakraban hubungan antara penutur dengan pendengar sangat menentukan peringkat kesantunan dalam ujaran atau ungkapan yang digunakan dalam sesebuah perbualan. Semakin dekat jarak peringkat sosial antara peserta akan menjadi semakin kurang santunlah perbualan itu. Demikianlah sebaliknya, semakin jauh jarak peringkat sosial antara peserta, maka semakin santunlah ujaran yang perlu digunakan.

KATA GND DIALEK

Satu lagi trend penggunaan kata GND yang ditemui dalam kajian ini ialah penggunaan kata GND dialek. Dalam kajian ini, KGND dialek Negeri Sembilan yang ditemui. Kata GND dialek yang digunakan ialah kata GND pertama *den* dan kata GND kedua *ekau*. Hal ini berlaku kerana ada kalangan ahli kumpulan ‘SMPT EX Pbiru’ yang berasal dari negeri Sembilan dan ada yang menetap di Negeri Sembilan serta Melaka. Penggunaan KGND dialek ini menjadi

trend dalam perbualan biarpun peserta dalam kumpulan ini bukan majoritinya berasal daripada Negeri Sembilan. Contoh data 5 memperlihatkan sebahagian petikan yerbualan yang melibatkan penggunaan kata ganti nama diri dialek.

Data 5:

P1: Smpi kat lif dgr nangis mama...mama...[?]

P2: Biasa la budak..*ekau* x melalak lak.

P1: Tq hasrin...tp *den* abis kontrak bln ni.....pencen..

P1: X koso *den* doh....omak ea ado...[?]

P2: Aikk.. kontrak gak

P2: Org rumah *den*... awal bulan ni aritu.. *den* suruh stop n rest

P1: Haha...nk wat kje kawin ni ssh laa kok ada jaga bdk...payah nk gerak...konon cuti 3 bln...tp *den* trus kan je...hahaha

P1: zana bilo *ekau* nk blanjo *den* satay.

Data 6:

P1: Kuek... Batu api zaha ni

P1: Ko nk tido ko

P2: *Den* baru bgn tido..kadaq tido pagi tadi

P2: Hasrin dah balik dr kampung ke

P3: Zah ko lyan la hasrin *den* nk tgk hindustan...

P1: *Den* x jd balik kpg.... Bwa anak anak jln2 je

Penggunaan kata GND dialek dalam konteks ini lebih berfungsi sebagai gurauan atau untuk berjenaka dengan ahli-ahli kumpulan. Komunikasi melalui aplikasi *WhatsApp* adalah dalam bentuk berbahasa lisan yang disampaikan secara bertulis, maka secara tidak langsung peserta akan mengungkapkan kata bualannya seolah-olah sedang bersemuka dengan lawan tuturnya. Justeru ada ungkapan-ungkapan yang dipengaruhi oleh bentuk lisan. Bahasa lisan sering berpadu dengan ragam dialek. Ragam dialek adalah ragam yang berkaitan dengan daerah pemakai bahasa. Penggunaan dialek dilakukan dalam suasana penggunaan bahasa tidak resmi atau santai. Bahasa lisan yang mengandung dialek dituturkan dalam percakapan-percakapan yang tidak rasmi sebagaimana yang berlaku dalam komunikasi *WhatsApp*. Kemunculan media sosial telah memberikan ruang kepada penggunaan dialek masing-masing dalam berkomunikasi. Penggunaan dialek bercampur dengan ragam lisan yang lain dalam komunikasi menambahkan lagi variasi kata ganti nama yang digunakan.

KATA GND KONTEMPORARI

Kata GND kontemporari merujuk kata GND yang menjadi trend dewasa ini. Dalam konteks media sosial, timbul dua bentuk kata GND yang menjadi trend masyarakat Melayu pada hari ini iaitu;

(i) Yang direka dengan menggunakan gabungan kata ganti nama sedia ada dengan perkataan *orang*, contohnya kitorang (kita + orang, menggantikan perkataan kami); korang (kau + orang, bagi merujuk kepada ramai orang dan menggantikan perkataan kalian); diorang/ derang/dorang (dia + orang, menggantikan perkataan mereka).

Penggunaan kata ganti nama diri 'kita orang', 'korang' (awak semua) dan 'diaorang', yang merujuk kepada ganti nama diri 'kami', 'kalian' dan 'mereka', dilihat begitu meluas penggunaannya dalam media sosial seperti *Facebook* dan juga *WhatsApp*. Penggunaan kata GND ini menyalahi bentuk tatabahasa Melayu namun sehingga kini, bentuk ini menjadi ikut-ikutan dalam kalangan masyarakat pada hari ini khususnya dalam media sosial. Menurut Kamus Dewan Edisi keempat (2015), *kita orang* yang bersinonim dengan *kami* tergolong dalam bahasa percakapan iaitu bahasa yang digunakan sehari-hari dan tidak boleh digunakan dalam tulisan dan juga dalam keadaan rami. Penggunaan kata *kita orang* lebih sesuai digunakan oleh dua pihak yang mempunyai hubungan rapat dan dalam bentuk lisan. Memandangkan komunikasi *WhatsApp* dianggap sebagai medium komunikasi yang tidak rasmi, maka peserta dalam komunikasi ini juga merasakan mereka berada dalam situasi yang tidak rasmi dan seolah-olah sedang berbual secara bersemuka dengan peserta-peserta yang lain. Oleh itu, kata GND yang digunakan adalah serupa dengan kata GND yang digunakan dalam percakapan lisan. Berikut merupakan contoh perbualan dalam *WhatsApp* yang menggunakan kata ganti nama diri kontemporari bentuk gabungan kata ganti nama sedia ada dengan perkataan *orang* yang membawa maksud jamak.

Data 7:

- a. *Korang* tgh buat pe
- b. Baca je *korang* sembang..nk nyampuk nt salah
- c. Sbnrnya byk perancangan dah dibuat utk mbgnkn kg baru tapi ramai yg x stuju jadi tbantut skjp dan x mustahil plan *dorang* akn berjaya
- d. Hihhi...mmg cmtu la *dorang* faz..sama la ank2 mu..farah je tak..pompuan rajin skit.

Penggunaan bentuk ganti nama diri seperti 'kita orang', 'korang', dan 'diaorang' tidak disenaraikan dalam buku tatabahasa penggunaan ganti nama diri ini bukan sahaja lazim digunakan dalam kalangan remaja malah juga golongan dewasa turut kerap menggunakannya. Ganti nama ini dianggap bercanggah dengan rumus tatabahasa namun telah digunakan secara konsisten, regular dan produktif. Sebelum munculnya media social, kata ganti nama diri 'kita orang', 'korang', dan 'diaorang' hanya didengari dalam bentuk lisan khususnya dalam situasi tidak rasmi. Aplikasi *WhatsApp* yang merupakan kategori media peribadi memberi ruang kepada peserta komunikasi untuk menggunakan bentuk ganti rasmi yang tidak rasmi atau tidak baku seperti 'kita orang', 'korang', dan 'diaorang' seolah-olah mereka bercakap secara bersemuka dengan peserta yang terlibat.

(ii) Gabungan dua kata GND bahasa Inggeris seperti penggunaan *uols/uolls*. Perkataan *uols/uolls* digunakan untuk menggantikan kata ganti diri kedua iaitu 'awak' atau 'engkau'. Perkataan ini telah dijanakan daripada dua perkataan dalam bahasa Inggeris iaitu 'you' yang bermaksud 'awak' dan dipermudahkan lagi menjadi 'u' manakala 'ols' daripada perkataan 'all' yang bermaksud semua atau 'kesemuanya'. Penggunaan kata ganti nama diri yang terdiri daripada dua kata GND bahasa Inggeris sebagaimana dalam data 8 di bawah.

Data 8:

- a. Wawa..gee teringat wawa ngan noraini bila tadi boss gee amend SOP yg dia suruh gee buat..terasa mcm murid sekolah je..*uols* lecturer/teacher right kertas exam gini la ye..
- b. Klau exam penah x *uols* jumpa jawapan mengarut kt kertas jawapan murid..

- c. Gurau2 je *uols*
- d. waalaikumusalam...morning *uolls*.

Penggunaan kata ganti nama diri komtemporari ini adalah hasil kekreatifan masyarakat Malaysia dalam era teknologi komunikasi yang berjaya mencipta perkataan baharu dan diguna pakai hampir setiap hari terutamanya sewaktu berada dalam kelompok rakan sebaya atau minat yang sama. Menurut Wilbur (2000, p.50), dunia siber merupakan ruang yang menghubungkan jaringan teknologi komunikasi menerusi komputer. Dengan itu, terdapat satu komuniti maya yang cuba menggulingkan bahasa komunikasi di dunia kini dengan menggunakan ideologi dan estetik mereka untuk menghasilkan suatu variasi bahasa yang tersendiri.

KESIMPULAN

Kata ganti nama orang menekankan kepada prinsip peranan peserta dalam peristiwa pengujaran seperti ganti nama bagi orang pertama dan orang kedua. Kategori orang pertama merujuk penutur yang menjadikan dirinya sendiri sebagai penutur orang pertama. Manakala orang kedua pula merujuk orang yang dilawan tutur yang dianggap sebagai pendengar. Bagi kategori orang ketiga pula dirujuk kepada entiti yang boleh jadi penutur atau boleh menjadi pendengar dalam sesebuah perbualan atau interaksi yang berlangsung.

Ketika berkomunikasi, kata ganti nama diri tidak digunakan secara wewenang namun ada syarat dan peraturan yang mengawal penggunaannya agar komunikasi berlangsung dengan lancar. Peranan peserta (penutur dan *interlokutor*) memenuhi syarat ambil gilir terhadap sasaran kepada proses komunikasi yang berlaku. Kata ganti nama diri memberi petunjuk kepada status sosial, hubungan peribadi seperti hubungan kekerabatan dan sebagainya. Muncul dan berkembangnya media sosial yang membawa kepada bentuk komunikasi baru dalam kalangan masyarakat bukan sahaja telah mengubah cara komunikasi itu berlaku. Namun, bahasa yang menjadi medium komunikasi juga tidak terlepas dari kesan penggunaan teknologi. Penggunaan kata ganti nama diri dalam konteks kajian ini jelas menunjukkan lanskap baharu dalam penggunaan kata ganti nama. Kini, didapati penggunaan kata ganti diri dalam kalangan masyarakat telah berubah. Kini muncul trend baharu dalam ganti nama antaranya *korang*, *derang/diorang* dan *uolls* yang digunakan secara meluas khususnya dalam ruangan sembang media sosial baharu seperti *Facebook* dan *WhatsApp*. Sungguhpun ganti nama *aku*, *ko/engkau korang* atau *diaorang* digunakan ketika interaksi berlangsung, namun setiap peserta tidak menganggap penggunaan ini sebagai sesuatu yang kasar dan kesat. Dalam konteks kajian ini, penggunaan ganti nama, masih dilatari dan dikawal dengan aspek kesantunan. Trend baharu ini mungkin menyalahi peraturan tatabahasa Melayu namun amalan ini memenuhi faktor kemesraan dan keakraban dalam sesuatu hubungan rakan sebaya yang berlangsung dalam situasi tidak formal dan santai.

BIODATA

Maslida Yusof ialah Profesor Madya di Pusat Penyelidikan Bitara Melayu (BAYU), UKM. Bidang pengkhususan beliau ialah semantik dan pragmatik. Email: maslida@ukm.edu.my

RUJUKAN

- Asmah Omar. (2009). *Nahu Melayu mutakhir* (Edisi Kelima). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Awang Sariyan. (2007). *Santun berbahasa*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka. Muatturun di <http://234789.weebly.com/pengenalan.html>. Tarikh akses 4 Mei 2017.
- Azrizan Abu Bakar, & Karim Harun. (2015). Penggunaan kata ganti nama dialek Kelantan dalam aplikasi *WhatsApp*. *Jurnal Melayu*, 14(2), 291-306.
- Azizul Halim Yahya. (2017, 2 Mei). Pendakwaan kes WhatsApp perlu jelas.
- Liaw Yock Fang & Abdullah Hassan. (1994). *Nahu Melayu moden*. Shah Alam: Penerbit Fajar Bakti Sdn. Bhd.
- Kamus Dewan* (Edisi keempat). (2015). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Karim Harun, & Maslida Yusof. (2015). Komunikasi bahasa Melayu-Jawa dalam media sosial. *Jurnal Komunikasi, Malaysian Journal of Communication*, 31(2), 617-629